

DERMASAFE DEEP RUB OINTMENT

Methyl Salicylate (25%w/w), Menthol (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Dermasafe Deep Rub Ointment*
2. Bagaimana *Dermasafe Deep Rub Ointment* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*
4. Cara menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*
5. Semasa menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Dermasafe Deep Rub Ointment*
8. Perihal Produk
9. Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Dermasafe Deep Rub Ointment*

Ia digunakan bagi melegakan sakit – sakit ringan dan kesakitan yang berkaitan dengan:

- Kesakitan otot dan kekakuan dalam sakit belakang yang biasa
- Sakit belakang
- Sakit sendi
- Keadaan reumatik seperti sakit, bengkak, kekakuan dan pergerakan terhad pada sendi, otot, dan lain-lain keadaan yang berkaitan.

Bagaimana *Dermasafe Deep Rub Ointment* berfungsi

Ubat salap ini mengandungi 2 bahan aktif iaitu *Methyl Salicylate* dan *Menthol*. Ia berfungsi untuk memberikan kelegaan pada rasa sakit yang ringan.

Sebelum menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah atau alergic pada mana-mana bahan yang terkandung di dalam *Dermasafe Deep Rub Ointment*.

- Sebelum menggunakannya

Jangan menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment* pada:

- Bayi di bawah umur 2 tahun.
- Elakkan penggunaan secara langsung ke hidung. Terdapat laporan pernafasan terhenti terutamanya ketika tidur dan

pengsan secara serta-merta berikutan aplikasi mentol secara terus kepada hidung bayi.

- Individu yang mengamalkan *aspirin* atau *salicylates*.
- Individu yang mengambil *warfarin*, penyapuan berlebihan ke atas kulit untuk sakit otot atau sendi dapat meningkatkan kemungkinan untuk berlaku pendarahan.
- Kanak – kanak yang menghidap selsema, cacar air, atau demam harus mengelak daripada menggunakan produk ini kerana *salicylates* boleh menyebabkan Sindrom Reyes.
- Elakkan bersentuhan dengan mata dan membran mukus.
- Jangan menggunakan pada luka yang terdedah atau kulit yang rosak.
- Elakkan penggunaan yang berlebihan semasa mengandung dan menyusui.
- Jangan guna lebih banyak pada bahagian badan atau pembalut atau gunakan dengan pemanas.

Dermasafe Deep Rub Ointment hanya untuk kegunaan pada kulit sahaja.

Kehamilan dan Penyusuan Bayi

Keselamatan untuk kegunaan semasa hamil masih belum dapat dibuktikan, oleh itu, potensi faedah ubat perlu melebihi daripada kemungkinan risiko kepada ibu.

Walaupun bagaimanapun, anda perlu memberitahu doktor anda jika anda sedang hamil atau menyusukan, merasa anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil.

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda jika anda boleh menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment* semasa kehamilan atau semasa anda menyusui badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Produk ini mengandungi *Methyl Salicylate* dan apabila disapukan pada kulit, ia boleh diserap melalui kulit ke dalam darah. Untuk pesakit yang mengambil *warfarin*, penggunaan yang berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan risiko

pendarahan.

Beritahu doktor jika anda sedang menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*

- Berapa banyak harus digunakan

- Sapu dalam jumlah yang kecil ke kawasan kulit yang terhad dan perhatikan sama ada terdapat ketidakselesaan atau gatal sebelum membuat sapuan kepada kawasan kulit yang lebih besar. Hentikan penggunaan jika kerengsaan berlaku.
- Sapukan lapisan nipis *Dermasafe Deep Rub Ointment* dengan lembut pada bahagian yang sakit sehingga ubat meresap.
- Gunakan 3 atau 4 kali sehari mengikut tahap kesakitan anda.
- Sentiasa mencuci tangan anda sebaik sahaja menggunakan ubat ini supaya anda tidak memindahkannya ke bahagian sensitif yang lain seperti mata atau bibir. Jika ini berlaku, basuh dengan segera menggunakan air bersih yang banyak.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan pada label dengan teliti dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

Jika sakit anda tidak berkurangan, sila berjumpa dengan doktor anda semula.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda lupa menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sahaja untuk dos tersebut dan abaikan dos yang tertinggal.

Jangan gandakan dos bagi menggantikan pengambilan dos yang tertinggal.

DERMASAFE DEEP RUB OINTMENT

Methyl Salicylate (25%w/w), Menthol (5% w/w)

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)
Pengambilan mentol dilaporkan menyebabkan sakit perut teruk, mual, muntah, *vertigo*, kawalan otot yang lemah, mengantuk dan koma.

Gunakan tisu untuk mengelap ubat yang berlebihan sekiranya anda secara tidak sengaja memicit ubat ini dalam kuantiti yang banyak. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa sahaja secara tidak sengaja tertelan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment*

- Perkara yang perlu dilakukan

- Untuk kegunaan luar sahaja, tidak boleh diambil.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan pada kawasan kulit yang luka, kemerahan atau berdekatan dengan mata atau bahagian sensitif seperti mata atau mulut.
- Jangan gunakan ubat anda untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi anda membenarkan anda untuk berbuat demikian.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Persiapan analgesik topikal yang mengandungi *methyl salicylate* harus digunakan dengan berhati-hati pada individu yang berisiko tinggi untuk mendapatkan kesan sampingan *salicylate*.

Kanak – kanak yang menghidap selsema, cacar air, atau demam harus elakkan daripada menggunakan produk ini kerana *salicylates* boleh menyebabkan Sindrom Reyes.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Dermasafe Deep Rub Ointment* boleh menyebabkan kesan

sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Berhenti dari menggunakannya sebaik sahaja anda mengalami kesan-kesan berikut dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda:

- Tindakbalas alahan. Ia mungkin bermula dengan kesan ringan seperti kegatalan atau kemerahan pada kulit tetapi boleh juga menjadi lebih serius. Ini termasuk rasa pening atau pitam, degupan jantung semakin kencang, bengkak pada muka, lidah dan tekak.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines* (ConSERF) or *Vaccines* (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Dermasafe Deep Rub Ointment*

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C, jauhi daripada cahaya.

Jangan gunakan *Dermasafe Deep Rub Ointment* yang telah tamat tempoh. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Perihal Produk

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih ke kuning pucat dengan bau yang menyenangkan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- *Methyl Salicylate* 25% w/w
- Mentol 5% w/w

- Bahan tidak aktif:

- *Cetostearyl Alcohol*
- *Hard Paraffin Wax*
- *White Soft Paraffin*
- *Emulsifying Wax*

- Nombor MAL

MAL20013174X

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

InspiraPharma Sdn. Bhd.

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

05/12/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)211118/00341